

PM minta usahawan sertai industri elektronik

OH 13 APR 1994

KLANG, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu usahawan tempatan memberanikan diri menyertai industri sokongan bidang elektronik agar mereka menikmati manfaat pembangunan pesat industri itu sekarang.

Menurut Perdana Menteri, bagi memastikan lebih banyak syarikat tempatan mendapat manfaat pembangunan itu, dua kriteria iaitu penggunaan bahan tempatan dan pembangunan kaitan ekonomi ditetapkan bagi mendapatkan insentif cukai.

"Kriteria ini dijangka dapat membantu mewujudkan kaitan ekonomi yang sepatutnya di antara industri elektronik dan industri sokongan," katanya berucap merasmikan kilang Casio (Malaysia) Sdn Bhd di Kawasan Perindustrian Bukit Raja, di sini, hari ini.

Kilang itu mengeluarkan produk elektronik seperti alat pengira, jam, alat muzik, televisyen LCD, alat data peribadi dan mesin elektronik tunai.

Turut hadir Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib; Duta Besar Jepun ke Malaysia, Taizo Nakamura; Presiden Casio Computer Co Ltd (Jepun), Kazuo Kashio dan Pengarah Urusan Casio (Malaysia), M Nishihara.

Dr Mahathir berkata,

dua isu penting dihadapi oleh industri berkenaan ialah tahap penyertaan tempatan yang rendah serta kekurangan kaitan industri yang mencukupi.

Menurutnya, kebanyakan industri itu dikuasai oleh orang asing dengan kebanyakan syarikat yang ada adalah anak syarikat milik asing, manakala syarikat milik penuh tempatan pula kecil dengan kebanyakannya terbahagi dalam kontrak kecil atau pembuatan komponen plastik dan logam.

Perdana Menteri berkata, kerajaan kini menggalakkan pertumbuhan dalam sektor elektronik pengguna bagi mempelbagai dan memperbanyakkan pengeluaran barangan jenama Malaysia.

Katanya, Malaysia mengambil pendekatan itu kerana di Eropah khususnya, bilangan pembuat barangan elektronik pengguna sedikit disebabkan ia tidak lagi ekonomik dikeluarkan di sana.

Berikutan itu, katanya, negara Eropah beralih kepada negara yang mempunyai sumber lebih murah untuk mendapatkan bekalan import mereka.

"Ketika ini, beberapa syarikat tempatan di Malaysia yang mengeluarkan peralatan elektronik pengguna untuk dieksport dan lebih banyak peluang untuk pelabur tempatan menubuhkan syarikat se-

LIHAT MUKA 2

Usahawan diminta sertai industri elektronik

DARI MUKA 1

ti ini, khususnya pengeluaran barangan jenama dari Malaysia.

"Ada prospek yang baik dan menguntungkan dalam pembuatan alat pengira, jam dan *liquid crystal displays (LCD)* dengan potensi untuk dieksport ke pasaran Amerika Syarikat dan Eropah," katanya.

Dr Mahathir berkata, berikutan industri elektronik lebih tertumpu dalam sektor pembuatan komponen, satu penekanan untuk menggalakkan pertumbuhan dalam sektor elektronik pengguna adalah wajar.

Ini, katanya, dapat mengurangkan pergantungan yang terlalu tinggi kepada sektor komponen, khususnya sektor semikonduktor.

Menurutnya, projek elektronik yang diluluskan oleh kerajaan semakin meningkat dan sehingga tahun lalu, 979 syarikat diberi lesen bagi mengeluarkan barangan elektronik.

"Jika kita imbas kembali perkembangan industri elektronik, kita akan mendapati pada 1984 sektor komponen elektronik me-

nyumbang 84 peratus daripada keluaran industri ini dengan sektor elektronik pengguna menyumbang 12 peratus dan sektor elektronik industri empat peratus.

"Profil ini sudah berubah dan pada 1992, sektor komponen elektronik menyumbang 43.8 peratus, sektor elektronik pengguna 26.6 peratus dan sektor elektronik industri 29.6 peratus," katanya.

Dr Mahathir berkata, perangkaan itu menunjukkan sektor komponen elektronik dan elektronik pengguna berjaya dicapai seperti sasaran Pelan Industri Perindustrian (IMP) manakala sektor elektronik industri mencatat pertumbuhan lebih tinggi.

Mengikuti IMP, sasaran bagi sektor komponen elektronik menjelang 1995 ialah 61 peratus manakala elektronik pengguna 24 peratus dan elektronik industri 15 peratus.

Beliau berkata, pencapaian yang lebih baik daripada jangkaan itu adalah petanda bahawa iklim pelaburan di Malaysia menarik bagi pelabur asing.